

## ORIGINAL ARTICLE



## MINAT PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN TERADUN DALAM MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DI DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

### STUDENTS' INTEREST IN BLENDED LEARNING IN PRINCIPLE OF ACCOUNTING SUBJECT AT SEREMBAN DISTRICT, NEGERI SEMBILAN

Jayakumar Supramaniam <sup>\*1</sup>; Norlia Binti Mat Norwani <sup>2</sup>;  
Rosmini Binti Ismail <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Accounting, Faculty of Management and Economic, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [jkumarutm@gmail.com](mailto:jkumarutm@gmail.com)

<sup>2</sup> Department of Accounting, Faculty of Management and Economic, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [norlia@fpe.upsi.edu.my](mailto:norlia@fpe.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Accounting, Faculty of Management and Economic, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [rosmini@fpe.upsi.edu.my](mailto:rosmini@fpe.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/221>

#### Abstract

The aim of this study was to analyze students' readiness and interest in blended learning in Accounting Principles subjects at Seremban District, Negeri Sembilan. The study used a quantitative approach with the study design on a survey basis based on a questionnaire. It involved 100 form four students from five secondary schools in Seremban District, Negeri Sembilan. The selection of schools and respondents was made using simple random sampling. The data was analyzed using descriptive tests. The findings showed that students' readiness for blended learning in Principles in Accounting subjects was at a moderate level (mean = 3.91) while students' interest in learning Principles in Accounting subjects through the blended learning method had a high level as well (mean = 4.25). Overall, students are ready to accept the blended learning methods in the process of learning Principles in Accounting subjects. As an implication of the study, teachers of these subjects can take the opportunity to provide a blended learning method that can improve student understanding and mastery compared to conventional methods that are usually teacher-centered.

**Keywords:** Blended learning, Student interest, Student readiness, Accounting Principles

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesediaan dan minat pelajar terhadap pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian secara tinjauan berdasarkan soal selidik. Ia melibatkan 100 orang murid Tingkatan empat sekolah menengah harian dari enam buah sekolah menengah di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Pemilihan sekolah serta responden telah dibuat dengan menggunakan pensampelan secara rawak mudah. Data telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan pelajar terhadap pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah pada tahap yang sederhana (min = 3.91) manakala minat pelajar terhadap mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan melalui kaedah pembelajaran teradun mempunyai tahap yang tinggi juga (min = 4.25). Secara keseluruhan pelajar bersedia menerima kaedah pembelajaran teradun dalam proses pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Sebagai implikasi kajian, guru – guru mata pelajaran ini boleh mengambil peluang menyediakan kaedah pembelajaran teradun yang dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar berbanding kaedah konvensional yang biasanya berpusatkan guru.

**Kata kunci:** Pembelajaran teradun, Minat pelajar, Kesediaan pelajar, Prinsip Perakaunan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 21<sup>th</sup> July 2022, revised 30<sup>th</sup> August 2022, accepted 20<sup>th</sup> September 2022

### Pengenalan

Teknik pengajaran yang dijalankan oleh seseorang guru dalam kelas sangat penting dalam memupuk minat dan kecenderungan pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran di sekolah. Guru memainkan peranan yang utama dalam memupuk minat terhadap sesuatu mata pelajaran dengan teknik pengajaran yang menarik. Menurut Rohani et al (2017)<sup>1</sup> guru perlu bijak mengintegrasikan pelajaran yang diajar supaya kualiti pelajaran serta pemahaman terhadap pelajaran dapat dipertingkatkan pada kalangan pelajar. Selain itu minat terhadap sesuatu mata pelajaran juga menyebabkan pelajar untuk menguasai semua kemahiran yang menerapkan dalam mata pelajaran tersebut. Penguasaan kemahiran yang diajar adalah penting untuk kemenjadian seseorang pelajar. Ini telah dinyatakan oleh Siti Muhibah et al (2018)<sup>2</sup> bahawa kemenjadian seseorang murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan kebolehan seseorang guru.

Oleh itu teknik pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat dalam sesuatu mata pelajaran. Noor Erm & Leong (2014)<sup>3</sup> menyatakan pengajaran guru merupakan faktor-faktor penting dalam memupuk minat pelajar serta pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Proses pengajaran yang pelbagai terutama yang menggunakan teknologi dapat memupuk minat pelajar. Ini kerana pengajaran guru yang efektif sepatutnya terdiri daripada teknik dan kaedah yang pelbagai terutama menggunakan bahan membantu ajar yang menggunakan teknologi multimedia. Menurut Mohammad Aziz et al. (2014)<sup>4</sup> menyatakan pengajaran akan menjadi tidak menarik apabila hanya menggunakan buku teks dan buku latihan sebagai bahan bantu mengajar. Ini boleh menyebabkan pelajar hilang fokus serta menjadi tidak minat dalam mata

pelajaran Prinsip Perakaunan. Maka kepelbagaian teknik pengajaran merupakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berupaya dapat meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Teknik pengajaran seseorang guru memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat dalam sesuatu mata pelajaran. (Sintayehu, 2014)<sup>5</sup>. Maka pendekatan pengajaran yang pelbagai perlu diaplikasikan oleh guru supaya kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dapat dipertingkatkan melalui proses pengajaran oleh guru (Rohaida & Zamri 2015)<sup>6</sup>.

Selain itu, pendedahan yang diselaraskan dalam kandungan pendidikan dengan teknologi dan pengkomputeran sedikit sebanyak dapat membantu transformasi pendidikan negara (Brown et al., 2020)<sup>7</sup>. Oleh itu, teknik pengajaran atas pembelajaran atas talian telah mengambil tempat sebagai satu medium utama dalam sesi pembelajaran dan pengajaran sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun di universiti (Al Lily et al. 2020)<sup>8</sup>. Sehubungan itu, kajian ini mengkaji persepsi pelajar terhadap minat pelajar terhadap pembelajaran teradun dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

## **Latar Belakang**

Pembelajaran atas talian merupakan satu mekanisme baru yang perlu diterokai dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (Panigrahi et al., 2018)<sup>9</sup>. Jika dibandingkan dengan negara maju yang lain di barat, konsep pembelajaran atas talian telah lama dipraktikkan. Mereka mengambil peluang atas capaian rangkaian internet yang laju untuk mewujudkan suatu sistem pembelajaran dan pengajaran secara atas talian yang dapat memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk belajar mengikut rentak mereka yang tersendiri (Leontyeva, 2018)<sup>10</sup>. Malah, mereka juga masih mengamalkan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka bagi mengimbangi kedua-dua proses ini bagi memastikan tiada pelajar yang akan tercicir. Pembelajaran dan pengajaran ini dikenali sebagai pembelajaran dan pengajaran teradun. Pembelajaran teradun merupakan satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta multimedia (Faizatul, 2017)<sup>11</sup>.

Di Malaysia, penekanan dan pendedahan kepada pembelajaran dan pengajaran teradun ini masih di peringkat awal terutamanya bagi semua mata pelajaran (Mahmud, 2018)<sup>12</sup>. Pembelajaran teradun merupakan satu kaedah penyampaian ilmu dengan menggunakan pelbagai kaedah bersesuaian yang dilaksanakan oleh guru. Selain itu ianya dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan menggunakan peralatan peranti teknologi sekarang.

Impak COVID-19 memberi peluang kepada semua negara untuk membuat refleksi semula dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat terutamanya dalam bidang pendidikan dengan menggunakan teknologi (Bozkurt et al., 2020)<sup>13</sup>. Kajian ini memfokuskan ke atas mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi mengetahui minat dalam mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan secara teradun yang di mana melibatkan pengajaran atas talian dan semuka. Selain itu, dengan mengetahui minat pelajar terhadap pembelajaran teradun yang belajar secara bersemuka dan dalam talian bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan serta ianya dapat menjadi panduan kepada guru – guru bagi menjalankan kaedah pengajaran yang memberi impak yang tinggi kepada pelajar.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap minat dan tahap kesediaan pelajar dalam penerimaan pembelajaran teradun bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap minat pelajar dalam mempelajari Prinsip Perakaunan melalui kaedah pembelajaran teradun di Daerah Seremban, Negeri Sembilan.
- ii. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari Prinsip Perakaunan melalui kaedah pembelajaran teradun di Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

## Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, berikut adalah beberapa persoalan kajian:

- i. Apakah tahap minat pelajar dalam mempelajari Prinsip Perakaunan melalui kaedah pembelajaran teradun di Daerah Seremban, Negeri Sembilan?
- ii. Apakah tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari Prinsip Perakaunan melalui kaedah pembelajaran teradun di Daerah Seremban, Negeri Sembilan?

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan (Creswell,2011)<sup>14</sup> yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan menggunakan kaedah kuantitatif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti minat dan tahap kesediaan penerimaan pembelajaran teradun bagi mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Seramai 100 orang pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah menengah dari Daerah Seremban, Negeri Sembilan yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dari kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Instrumen soal selidik mempunyai 11 item yang terdiri dua komponen yang utama iaitu minat dan tahap kesediaan penerimaan pembelajaran teradun. Analisis min, sisihan piawai dan peratusan digunakan untuk menganalisis data serta profil responden dan analisis deskriptif dibuat bagi mengukur dan menggunakan interpretasi skor min yang dirumuskan bagi menentukan tahap minat dan kesediaan penerimaan pembelajaran teradun oleh pelajar Prinsip Perakaunan.

Secara ringkasnya, borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A : Demografi, bahagian B: Kesediaan Penerimaan Pembelajaran Teradun, bahagian C: Minat Pelajar. Data-data dan maklumat yang dikumpul daripada soal selidik dalam kajian ini akan dianalisis secara kuantitatif menggunakan program SPSS version 21 (*Statistical Package for Social Science*). Analisis kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis data profil responden dan analisis deskriptif dibuat bagi mengukur dan menggunakan interpretasi skor min (Chua, 2021)<sup>15</sup>. Penentuan tahap - tahap dalam analisis adalah diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1 bagi menentukan tahap minat dan kesediaan penerimaan pembelajaran teradun oleh pelajar Prinsip Perakaunan.

Jadual 1

*Penentuan tahap berdasarkan skor min*

Skor min	Interpretasi
1.00 – 1.99	Lemah
2.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Sumber: Syed Najmuddin et al. (2009)

## Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, Jadual 2 adalah berkaitan dengan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang responden. Jadual menunjukkan bahawa 47 (47%) responden yang dipilih dalam kajian adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan bakinya 53 (53%) adalah pelajar perempuan di tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Manakala responden terdiri dari 46% adalah berbangsa Melayu dan 29 % adalah berbangsa Cina dan 20 % adalah berbangsa India dan 5% adalah terdiri dari lain – lain bangsa.

Bahagian A : Analisis Demografi Responden

Jadual 2 :

*Analisis Demografi Responden*

	Item Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	47	47
	Perempuan	53	53
Keseluruhan		100	100
Bangsa	Melayu	46	46
	Cina	29	29
	India	20	20
	Lain - lain	5	5

Bahagian B : Kesiediaan Penerimaan Pembelajaran Teradun

Bahagian ini pula berkaitan dengan tentang kesiediaan penerimaan pelajar terhadap Pembelajaran teradun bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Jadual 3 :

*Kesiediaan Penerimaan Pembelajaran Teradun*

Dimensi	Sisihan Piawai	Min	Tahap
1. Sikap positif terhadap pembelajaran teradun	0.651	3.93	Sederhana
2. Seronok menggunakan kaedah pembelajaran teradun	0.719	3.84	Sederhana
3. Bermotivasi menggunakan kaedah pembelajaran teradun	0.652	3.93	Sederhana
4. Selesa dengan pembelajaran teradun	0.736	3.88	Sederhana

5. Bersedia menghadapi cabaran penggunaan pembelajaran teradun	0.525	3.95	Sederhana
Jumlah Min Keseluruhan		3.91	Sederhana

Berdasarkan hasil dapatan kajian skor min dalam Jadual 3 di atas tentang kesediaan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran teradun bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan aspek Bersedia menghadapi cabaran penggunaan pembelajaran teradun mempunyai skor min tertinggi iaitu (3.95) dan diikuti item Bermotivasi menggunakan kaedah pembelajaran teradun (3.93) dan Sikap positif terhadap pembelajaran teradun (3.93) mempunyai min yang sama. Diikuti item Selesa dengan pembelajaran teradun (3.88), Seronok menggunakan kaedah pembelajaran teradun (3.84). Ini secara keseluruhan tahap kesediaan pelajar menerima pembelajaran teradun menunjukkan tahap sederhana bagi semua item serta dengan jumlah min keseluruhan sebanyak 3.91.

Bahagian C: Minat Pelajar Mempelajari Prinsip Perakaunan Secara Pembelajaran Teradun  
Bahagian ini pula berkaitan dengan tentang minat pelajar mempelajari Prinsip Perakaunan secara pembelajaran teradun

Jadual 4 :

*Minat Pelajar Mempelajari Prinsip Perakaunan Secara Pembelajaran Teradun*

Dimensi	Sisihan Piawai	Min	Tahap
1. Saya amat berminat Prinsip Perakaunan selepas mengikuti PdPc dengan kaedah pembelajaran teradun.	0.589	4.14	Tinggi
2. Saya amat gembira kerana mengikuti PdPc Prinsip Perakaunan dengan kaedah pembelajaran teradun.	0.609	4.21	Tinggi
3. Saya suka belajar Prinsip Perakaunan dengan kaedah pembelajaran teradun.	0.597	4.15	Tinggi
4. Prinsip Perakaunan memberi kesan dalam kehidupan saya.	0.521	4.26	Tinggi
5. Prinsip Perakaunan penting dalam kerjaya saya untuk masa akan datang.	0.541	4.40	Tinggi
6. Saya berasa bersemangat selepas mengikuti PdPc Prinsip Perakaunan dengan kaedah Pembelajaran teradun.	0.536	4.36	Tinggi
Jumlah Min Keseluruhan		4.25	Tinggi

Dapatan kajian yang terdapat dalam Jadual 4 berikut ini menunjukkan bahawa item Prinsip Perakaunan penting dalam kerjaya saya untuk masa akan datang (4.40) menunjukkan min yang paling tinggi dan diikuti item Saya berasa bersemangat selepas mengikuti PdPc Prinsip Perakaunan dengan kaedah Pembelajaran teradun menunjukkan tahap tinggi dengan min sebanyak (4.36). Manakala bagi item Prinsip Perakaunan memberi kesan dalam kehidupan saya menunjukkan tahap yang tinggi iaitu dengan min (4.26). Diikuti item Saya amat gembira kerana mengikuti PdPc Prinsip Perakaunan dengan kaedah pembelajaran teradun (4.21) manakala Saya suka belajar

Prinsip Perakaunan dengan kaedah pembelajaran teradun (4.15). Item Saya amat berminat Prinsip Perakaunan selepas mengikuti PdPc dengan kaedah pembelajaran teradun (4.14) juga menunjukkan tahap yang tinggi. Dapatan dapat dirumuskan bahawa kaedah pembelajaran teradun dapat meningkatkan minat pelajar dalam proses pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan kerana jumlah min keseluruhan menunjukkan sebanyak 4.25 dengan tahap tinggi.

### **Perbincangan Dan Kesimpulan**

Hasil dapatan dari kajian ini dapat membantu untuk mengetahui kesediaan pelajar untuk mentransformasikan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka ke arah pembelajaran dan pengajaran secara teradun adalah amat tinggi. Pelajar – pelajar lebih berminat mengikuti pengajaran teradun dalam mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Secara keseluruhan semua pelajar menunjukkan penerimaan yang sederhana tinggi dalam penerimaan pembelajaran teradun tetapi mereka menunjukkan tahap yang tinggi dalam pembelajaran teradun dapat meningkatkan minat mereka dalam mempelajari mata pelajaran Prinsip perakaunan.

Pendekatan pembelajaran teradun mempunyai potensi yang tinggi dalam meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran. Pembelajaran teradun juga merupakan satu teknik pengajaran yang baharu yang dapat menarik diminati oleh pelajar (Simah et al. 2021)<sup>16</sup>. Pembelajaran teradun merupakan satu permulaan untuk pembelajaran jarak jauh yang menggunakan teknologi sepenuhnya. Pembelajaran teradun juga merupakan satu pendekatan yang sesuai bagi mengujudkan satu suasana yang konduktif dan menyeronokkan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Oleh pihak sekolah perlu menyediakan kemudahan yang secukupnya bagi guru – guru dapat menjalankan pembelajaran teradun dengan lebih kerap dan lancar di sekolah. Selain itu, pembelajaran yang menggunakan teknologi juga dapat meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan ianya juga dapat meningkatkan keputusan pelajar dalam SPM.

Menurut Nur Adibah dan Hafizhah (2021)<sup>17</sup> bidang pendidikan sekarang mengutamakan elemen kreativiti kerana penggunaan teknologi penting dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran berteraskan PAK21. Oleh itu, dari segi penerimaan pula majoriti pelajar bersedia menerima penggunaan kaedah pembelajaran teradun yang menggunakan teknologi dalam pembelajaran mereka. Pelajar juga bersetuju dengan pendapat pembelajaran teradun mendatangkan faedah serta dapat meningkatkan minat mereka pada mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kesimpulannya pembelajaran teradun mengikut persepsi pelajar adalah lebih mudah, menarik dan memotivasikan pelajar berbanding kaedah konvensional. Selain itu, pembelajaran teradun berkesan dengan menggunakan talian dan semuka ini dapat meningkatkan lagi kefahaman pelajar dan minat terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

### **References:**

1. Rohani, A., Hazri, J., & Mohammad Zohair, A. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 42(1), 1– 11.



2. Siti Muhibah, H. N., & Zetty N., R. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 1(1), 1–8.
3. Noor Erma Abu & Leong, K.E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil. 2 Isu 1.
4. Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip, Fauziah Binti Mohd Sa'ad, Norhidayah Binti Jaapar, Khairiyah Binti Mohd Ali, Najwa Hananie Binti Athdzar, Wan Norhasniah Binti Wan Abd Rashid. 2014. Factors, Effects and Strategies in Handling Secondary School Students with Low Attention Span in Class: A Qualitative Study. Faculty of Education and Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA. <http://docplayer.net/117016-Factor-effects-and-strategies-in-handling-low-attention-span-ofsecondary-school-students-in-classroom-a-qualitative-study.html>.
5. Sintayehu, M. (2014). Problems challenging the academic performance of physics students in higher overnmental institutions in the case of Arbaminch, Wolayita Sodo, Hawassa and Dilla Universities. *Natural Science Journal*. 6: 362-375.
6. Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan peta pemikiran (i-THINK) dalam meningkatkan pencapaian penulisan bahasa Melayu murid tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2): 31-37.
7. Brown, te Riele, Shelley, & Woodroffe. (2020). Learning at home during COVID-19: Effects on vulnerable young Australians. *Independent Rapid Response Report*. Hobart: University of Tasmania, Peter Underwood Centre for Educational Attainment.
8. Al Lily, Ismail, Abunasser, & Alhajhoj Alqahtani. (2020). Distance education as a response to pandemics: Coronavirus and Arab culture. *Technology in Society*.
9. Panigrahi, Srivastava, & Sharma. (2018). Online learning: Adoption, continuance, and learning outcome—A review of literature. *International Journal of Information Management*.
10. Leontyeva. (2018). Modern distance learning technologies in higher education: Introduction problems. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*.
11. Faizatul Hafilah binti Abdul Halim dan Nor Syahilia binti Aris. 2017. Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Teradun (Blended Learning). *Journal of Technical and Vocational Education*. Volume 1, NO. 2, PAGE 53-63
12. Mahmud. (2018). Technology and language – what work and what does not: A meta analysis of blended learning research. *Journal of Asia TEFL*.
13. Bozkurt, Jung, Xiao, Vladimirschi, Schuwer, Egorov, Lambert, Al-Freih, Pete, Olcott Jr., Rodes, Aranciaga, Bali, Alvarez Jr., Roberts, Pazurek, Raffaghelli, Panagiotou, de Coëtlogon, Shahadu, Brown, Asino, Tumwesige, Ambrosino, Lazou, Mocquet, Mano, & Paskevicius. (2020). A global outlook to the interruption of education due to COVID-19 Pandemic: Navigating in a time of uncertainty and crisis. *Asian Journal of Distance Education*.
14. Creswell, J. W. (2011). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston: Pearson Education.
15. Chua Yan Piaw. (2021). Kaedah penyelidikan edisi keempat. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
16. Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Azni Yati Kamaruddin, Intan Marfarrina Omar & Nor Asiah Ismail. 2021. Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan



Pengajaran dan Pembelajaran Teradun Covid-19: The Challenges and Initiatives in Facing the Implementation of Blended Teaching and Learning. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

17. Nur Adibah Liyana Alwi & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad ke 21, *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, Volume 4 (1) January 2021, 40 – 54